

Sistem faraid online memudahkan waris

Oleh Muhammad Reza Muhsain
m.reza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Menyedari pelbagai masalah sering timbul sehingga menyukarkan waris apabila seseorang meninggal dunia tanpa mendokumentasikan maklumat kewangannya dengan baik, sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) membangunkan sistem faraid secara online dikenali sebagai Faraidsys.

Ketua kumpulan pelajar itu yang dinamakan 'The Faraidsys Project', Nurul Adibah Rahmat, berkata antara ciri utama sistem berkenaan ialah menyimpan pelbagai data peribadi pengguna yang disifatkan sensitif, termasuk nombor akaun bank, aset, hutang, maklumat pemegang amanah harta dan kata laluan sulit.

"Sistem ini mempunyai tahap keselamatan

yang tinggi di mana akses kepada maklumat itu hanya diketahui oleh pemilik akaun ketika hayatnya. Pemegang amanah yang dilantik oleh pemilik akaun itu tidak akan dapat mencapai rekod rahsia berkenaan selagi pemilik akaun masih hidup.

"Selain itu, Faraidsys juga menyediakan kalkulator faraid yang dibangunkan mengikut contoh kes sejak zaman Rasulullah SAW, dan boleh digunakan

pada bila-bila masa untuk mengira nisbah pengagihan harta dengan tepat kepada waris," katanya.

Mudah dan pantas

Lebih menarik, Faraidsys bukan sahaja boleh diakses dengan mudah serta pantas di mana-mana yang mempunyai jaringan talian internet, malah sistem itu terbuka kepada pengguna Islam dan bukan Islam.

Selain Nurul Adibah,



Kumpulan 'The Faraidsys Project' bersama-sama penyelia mereka.

kumpulan 'The Faraidsys Project' turut dianggotai lima lagi pelajar, iaitu Adila Shahida Azmi, Syed Ubaydillah Syed Ahmad, Muhammad Izzul Izwan Mohd Isa, Mohamad Asyraf



FARAIDSYS JUGA MENYEDIAKAN KALKULATOR FARAID YANG DIBANGUNKAN MENGIKUT CONTOH KES SEJAK ZAMAN RASULULLAH SAW"

Mohd Rodzi dan Wan Muhammad Syahmi Wan Yusoff.

Dua penyelia kepada projek enam pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia itu ialah Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM, Dr Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, serta pesyarah Fakulti Sains dan Teknologi, Dr Mohd Fadzli Marhusin.

Mohd Fadzli berkata, Faraidsys dibangunkan menggunakan sistem bersepadu berasaskan laman web, android dan e-mel bagi menyediakan perkhidmatan yang lancar serta mekanisme berkesan untuk melindungi maklumat peribadi.



Sistem faraid secara online yang dibangunkan oleh pelajar USIM bersama-sama pesyarah.

Nurul Adibah Rahmat,
Ketua The Faraidsys Project